

Laporan
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR
AKNC





اُنْبِقْ رَسِيْقِيْ تَتِيْكُوْ اَلْوَجِيْهِيْ بِمَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2022

FAKULTI SAINS SUKAN DAN REKREASI JARINGAN INDUSTRI DAN KEUSAHAWANAN

KETUA PTJ :

KETUA UNIT KUALITI :

PENYELARAS :

SITI FADHILAH BINTI ABDUL HAMID

PENULIS :

1. NOORSALISSA BINTI SAEDAN
2. ZARINA BINTI ZAINAL ABIDIN
3. HOSNI BIN HASAN
4. JAMATUL SHAHIDAH BINTI SHAARI
5. SITI FADHILAH BINTI ABDUL HAMID
6. RAZALI BIN MOHAMED SALLEH @ ZAINAL
7. MOHD HAIDIR BIN MOHD YUSOF

8. ANG GEIK YONG
9. SITI SORAYA BINTI MOHD ELIAS
10. HAJAR ASMIDAR BINTI SAMAT
11. NOOR FATIHAH BINTI ILIAS
12. SYAHIDA BINTI MOHD NAZRI
13. RADIN RAFEEUDDIN BIN RADIN DZULFAKAR
14. RAIHANA BINTI SHARIR
15. NORAINI BINTI MANSOR

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Kepimpinan yang cekap, berintegriti, dan berpandangan jauh merupakan komponen utama dalam menentukan kecemerlangan pengurusan sesebuah organisasi. Pemimpin yang mempunyai pemikiran yang inovatif dapat memimpin sesebuah organisasi untuk lebih cemerlang melalui program akademik, kerja penyelidikan, jaringan industri, keusahawanan dan khidmat masyarakat berdasarkan nilai dan etika profesional. Kepimpinan dalam suatu jaringan interaktif diantara pemimpin dan warga fakulti akan menaikkan semangat kerjasama dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah disediakan. FSR di bawah kepimpinan Dekan, Profesor Dr. Mohad Anizu bin Mohd Nor dan dibantu oleh tiga Timbalan Dekan yang terdiri daripada Timbalan Dekan HEA, Timbalan Dekan HEP dan Timbalan Dekan ICAN memainkan peranan sebagai wakil kepimpinan kanan FSR. Dengan kekuatan 50 warga kerja akademik dan 28 warga kerja pentadbiran telah meletakkan kesepaduan dan kesepakatan yang tinggi dalam melaksanakan bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan.

Bagi melaksanakan bidang tumpuan, kepimpinan FSR telah membuat satu perancangan yang bersistematik dan teratur dengan mengambil satu pendekatan dengan membentuk Bahagian Hal Ehwal ICAN yang terdiri dari Timbalan Dekan (ICAN), Koordinator Alumni, Koordinator Myra, Koordinator Penyelidikan, dan Penyelaras Office of International Affair. Perancangan sistematik oleh pihak UiTM dalam penubuhan Akademi Pembangunan PKS dan Keusahawanan Malaysia (MASMED) jelas dapat membantu pihak kepimpinan untuk merancang, melaksanakan dan memantau perkembangan dalam bidang keusahawanan melalui akademi ini. Justeru, kepimpinan FSR telah melantik Koordinator MASMED untuk menguruskan dan mengkoordinasi semua aktiviti berteraskan keusahawanan di kalangan pelajar.

Lonjakan 5 PPPM (PT) iaitu Kemampunan Kewangan, menyatakan bahawa IPT di Malaysia perlu berusaha mendapatkan sumber pendapatan tambahan sebagai alternatif untuk menjadi sebuah institusi pendidikan awam yang lebih fleksibel, kukuh, dan mampan dari segi pengurusan kewangan mereka. Dalam masa yang sama ianya memberi peluang yang luas kepada IPT untuk menjalin kerjasama dengan industri demi manfaat bersama. Dari kelangsungan itu, pihak kepimpinan fakulti telah mengambil langkah yang proaktif telah melantik Koordinator Strategic Business Unit (SBU) untuk mendokong saranan kementerian seterusnya membantu ekonomi negara terus kukuh dipersada dunia.

Antara pelaksanaan untuk mengukuhkan jaringan industri ialah dengan menandatangani MOU dan MOA dengan universiti luar negara, agensi kerajaan dan agensi swasta. Pada tahun 2020, UiTM telah menandatangani satu kerjasama bersama International College of Management, Sydney dalam membuat pemindahan kredit terhadap kursus-kursus pengajian yang terlibat. Hubungan antara FSR dengan universiti luar negara telah memberi manfaat kepada fakulti dan UiTM. Dengan kepimpinan yang berdaya saing, FSR telah menandatangani memorandum persefahaman (MOU) bersama Majlis Sukan Wilayah Persekutuan dan Kesatuan Rugby Malaysia yang jelas mencerminkan FSR relevan dan memenuhi keperluan dalam industri. Para pensyarah FSR juga menunjukkan kecemerlangan dalam bidang kepakaran masing-masing dengan menyumbangkan kepakaran mereka kepada organisasi luar. Sebagai contoh, berkongsi ilmu dengan agensi kerajaan dan swasta, aktif dalam menganggotai persatuan sukan negeri.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Bagi mewujudkan ekosistem keusahawanan yang kondusif dan lestari demi merealisasikan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah "Entrepreneurial Nation, kepimpinan FSR telah menerapkan pendekatan dan perancangan yang holistik menjurus kepada pencapaian bidang tumpuan di dalam perancangan strategiknya.

Dalam bidang jaringan industri yang diterajui oleh kepimpinan Timbalan Dekan ICAN yang berperanan dalam membentuk Jaringan Industri, Jaringan Masyarakat, Jaringan Alumni, Penyelidikan dan Penerbitan, dan Student Industry Linkages telah melakukan pendekatan yang sangat efisien dan proaktif. Pelbagai kaedah pendekatan yang telah diterapkan untuk menggerakkan bidang ini seperti:

- a) Meletakkan KPI kepada para pensyarah dalam pekeliling dekan 2021 agar mempunyai sekurang kurangnya 1 geran penyelidikan yang aktif samada sebagai penyelidik utama atau penyelidik bersama (antarabangsa/ kebangsaan/ industri/ dalaman).
- b) Memberi amanat dan taklimat untuk tujuan kolaborasi bersama organisasi luar dan industri
- c) Memberi info dan maklumat mengenai organisasi awam dan swasta yang berpotensi untuk menjalinkan jaringan industri.

Kepimpinan kanan FSR telah mengorak langkah untuk mencapai hasrat di bawah Lonjakan

1, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM(PT) dalam melahirkan Graduan Holistik, bercirikan Keusahawanan dan Seimbang. Kepimpinan kanan telah memainkan peranan yang proaktif dalam merencanakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dengan membuat secara bersistematik dan tersusun dengan pelantikan Koordinator MASMED dan Koordinator SBU dalam kalangan para pensyarah usaha untuk mengembangkan bidang tumpuan ini.

SENARAI BUKTI:

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi memastikan sasaran UiTM untuk menjadi sebuah universiti tersohor, objektif dan inisiatif strategik FSR adalah sejajar dengan Rancangan Malaysia Ke-11 UiTM (2016 – 2020) iaitu berfokuskan kepada teras pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, Inovasi dan pengkomersialan, akademia, industri dan masyarakat, kepimpinan dan keusahawanan.

Kepimpinan kanan FSR komited dalam menggalakkan penglibatan warga FSR dalam bidang tumpuan iaitu Jaringan Industri dan keusahawanan. Oleh itu, Kepimpinan Kanan FSR telah mengadakan perancangan yang teliti dan efisien bagi mencapai objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang dalam meningkatkan Jaringan Industri, Jaringan Masyarakat, Jaringan Alumni, Penyelidikan dan Penerbitan, Student Industry Linkages dan keusahawanan.

Kepimpinan Kanan FSR telah mengaplikasikan Rancangan Malaysia ke Sebelas (RMK-11) sebagai model hala tuju strategik dalam penetapan KPI (Key Performance Indicators) sejajar dengan matlamat UiTM. Bagi memperkasakan Jaringan industri dan Keusahawanan, Kepimpinan Kanan telah menetapkan KPI bagi warga akademik FSR untuk menjamin keberhasilan objektif strategik bagi bidang tumpuan ini berdasarkan visi dan misi UiTM.

Kepimpinan Kanan telah meletakkan KPI kepada para pensyarah agar mempunyai sekurang-kurangnya 1 geran penyelidikan yang aktif samada sebagai penyelidik utama atau penyelidik bersama (antarabangsa/ kebangsaan/ industri/ dalaman).

Kepimpinan kanan sangat komited dalam menjalinkan hubungan kerjasama di peringkat nasional dan antarabangsa. Antara kerjasama yang dilakukan adalah seperti berikut:

- a) Memorandum Persefahaman antara Universiti Teknologi MARA dan Viper Sport Academy
- b) Research Agreement for 2021 World Martial Arts In-depth Research
- c) Letter of Intern between Department of Mechanical Engineering Technical University of Denmark and Dr. Shariman Ismadi Ismail, FSR UiTM
- d) Memorandum of Understanding between Faculty of Sport Science and Recreation Universiti Teknologi MA Malaysia and Faculty of Sport Science Universitas Negeri Padang, Indonesia
- e) Memorandum Persefahaman (MoU) di antara FSR UiTM dan Cyberlynx International College
- f) Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, Universiti Teknologi MARA dan International Soccer Science and Performance Federation
- g) Memorandum Persefahaman antara Universiti Teknologi MARA dan Malaysian Association for the Blind
- h) MoU between Universiti Teknologi MARA and Ajinomoto (Malaysia) Berhad

Melihat pencapaian ini menunjukkan bahawa kepimpinan kanan FSR sangat komited dan proaktif dalam menjalinkan hubungan kerjasama bersama organisasi awam dan swasta. Dengan Kerjasama ini secara tidak langsung dapat meningkatkan Kebolehpasaran Graduan sejourus menamatkan pengajian di FSR yang memenuhi situasi semasa. Ini juga membuktikan FSR sememangnya berada dalam kelas tersendiri dalam menjalankan peranannya untuk terus kekal relevan dan berperanan dalam organisasi terutama dalam industri sukan.

Sebagai salah satu inisiatif dan strategik untuk mengembangkan bidang usahawan ini, kepimpinan kanan dengan bantuan unit MASMED dan keusahawanan FSR juga telah membuka platform laman facebook kepada semua warga FSR, UiTM, dan Alumni untuk mempromosikan produk dan servis yang boleh dipasarkan atau dihasilkan. Ini menunjukkan bahawa FSR mampu untuk berdaya saing dalam menghasilkan graduan atau usahawan yang berjaya dalam pelbagai bidang.

SENARAI BUKTI :

1. [F0047_K01_KB03_20221_viper_sport_mou.pdf](#)
2. [F0047_K01_KB03_20222_ICM_Confirmed_FINAL-UiTM--Research_Agreement_between_ICM_and_UiTM-21.06.29_\(1\)-signed_\(1\).pdf](#)
3. [F0047_K01_KB03_20223_MOU_UNP_SIGN.pdf](#)
4. [F0047_K01_KB03_20224_MOU_CYBERLYNX_SIGN.pdf](#)

5. [F0047_K01_KB03_20225_SCAN MOU MAB.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pengurusan Kanan FSR sangat menitikberatkan pencapaian semasa inisiatif-inisiatif yang telah dirancang dalam Pelan Tindakan Strategik FSR yang dijayakan dengan Pelan Strategik UiTM 2025. Inisiatif-inisiatif yang tertumpu pada jaringan industri dan keusahawanan dipantau dengan teliti melalui sesi perbincangan Pengurusan Kanan bersama AJK KPI Fakulti setiap bulan. Ke kerapannya menunjukkan komitmen Pengurusan Kanan FSR dalam memastikan inisiatif yang telah dirancang dapat dijayakan dan sebarang kekangan dan risiko dapat dikenalpasti dengan awal supaya tindakan pencegahan yang sewajarnya dapat dilaksanakan.

Inisiatif jaringan industri dipantau oleh Timbalan Dekan (Penyelidikan & Jaringan Industri) manakala jawatan koordinator MASMED diwujudkan untuk memantau inisiatif keusahawanan. Mekanisma pemantauan yang digunakan oleh Pengurusan Kanan FSR adalah berasaskan aplikasi Excel dimana pencapaian dari bulan ke bulan boleh dijejak dan dikemaskini dengan mudah. Aplikasi ini juga boleh dimuatkan dengan data yang komprehensif, dipapar sewaktu perbincangan dan dikongsi dengan AJK KPI Fakulti melalui google drive folder. Tambahan pula, risiko yang dikenalpasti sewaktu perbincangan, maklum balas daripada pemegang taruh/peserta atau melalui sesi post-mortem boleh direkod untuk tujuan perancangan tindakan pencegahan. Pengurusan Kanan FSR memilih aplikasi Excel sebagai mekanisma pemantauan utama kerana data yang dikumpul boleh dianalisa dan seterusnya dikongsi oleh Pengurusan Kanan dengan warga FSR melalui mesyuarat Fakulti dan kumpulan WhatsApp.

Mekanisma pemantauan lain yang diturut dijalankan adalah seperti penubuhan Jawatankuasa Khas Program dan pelantikan 'person-in-charge' untuk memantau dan menggerakkan inisiatif jaringan industri seperti MoU and MoA dan penglibatan Pengurusan Kanan FSR secara langsung dalam program jaringan industri (sebagai contoh, ucapnama daripada Dekan FSR).

Hubungan rapat antara Pengurusan Kanan FSR dengan industri (seperti Nescafe) membuka peluang untuk pelajar, alumni dan juga pensyarah untuk menimba pengetahuan dan pengalaman dalam bidang keusahawanan. Keperluan untuk memantuan pelbagai inisiatif Fakulti dipandang berat oleh Pengurusan Kanan FSR dan hasil daripada kajian semula pengurusan, satu jawatan baru iaitu Penyelaras Tranformasi Strategi Univerisiti telah diwujudkan untuk menyelia status perkembangan pelbagai inisitif Fakulti secara bulanan.

SENARAI BUKTI:

1. [F0047_K01_KB04_KC01_20221_Schedule FSR and Herbalife Webinar.pdf](#)
2. [F0047_K01_KB04_KC01_20222_SAP FSR 2021 Jaringan Industri dan Keusahawanan.pdf](#)
3. [F0047_K01_KB04_KC01_20223_MoU dan MoA FSR.pdf](#)
4. [F0047_K01_KB04_KC01_20224_Maklum balas program keusahawanan.pdf](#)
5. [F0047_K01_KB04_KC01_20225_BANNER NESCAFE KIOSK LAUNCHING.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pandemik COVID-19 yang berlanjutan masih merupakan risiko utama yang mengganggu gugat inisiatif-inisiatif yang telah dirancang untuk tahun 2021. Pengurusan Kanan FSR mengatasi kekangan sosial dan penjarakan fizikal yang perlu dipatuhi ketika pandemik COVID-19 dengan memanfaatkan pelbagai platform maya yang percuma seperti Webex, Google meet, Zoom dan Facebook live untuk memastikan inisiatif yang telah dirancang dapat dijayakan. Antara inisiatif yang telah dijayakan melalui pendekatan maya adalah Majlis menandatangani MoU, webinar kesihatan berperingkat antarabangsa yang dianjurkan bersama dengan Anlene (Fonterra), seminar perundangan dalam sukan yang melibatkan Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai rakan kolaborasi, dan webinar keusahawanan untuk pelajar (social media and tiktok class for business marketing) and pensyarah FSR (mastering innovation through design thinking). Selain daripada mencapai kumpulan sasaran seperti pelajar FSR yang meneruskan pembelajaran mereka dari rumah, pendekatan maya yang digunakan juga membolehkan masyarakat umum mengikuti program yang dijalankan, sekali gus meningkatkan visibiliti FSR dan UiTM diperingkat kebangsaan dan juga antarabangsa.

Pengurusan Kanan FSR juga peka dengan perkembangan semasa SOP pandemik COVID-19 dan perubahan dalam status risiko untuk sesuatu inisiatif berikutan pelanggaran dalam SOP tersebut. Sebagai contoh, Nescafe Youth Entrepreneurship Program yang telah dijalankan pada hujung tahun 2021 adalah hasil kerjasama dengan Nestle Product Sdn Bhd. Nestle Product Sdn Bhd menyediakan kiosk perniagaan untuk dikendalikan oleh pelajar-pelajar FSR di bawah seliaan MASMED FSR.

Program ini membolehkan pelajar FSR mempraktikkan ilmu keusahawanan dalam konteks perniagaan sebenar dan hanya dijalankan setelah Pengurusan Kanan FSR menilai risiko untuk inisiatif ini.

SENARAI BUKTI :

1. [F0047_K01_KB04_KC02_20221_SAP FSR 2021 Jaringan Industri dan Keusahawanan \(1\).pdf](#)
2. [F0047_K01_KB04_KC02_20222_PROGRAM MASMED FSR.pdf](#)
3. [F0047_K01_KB04_KC02_20223_Program Jaringan Industri.pdf](#)
4. [F0047_K01_KB04_KC02_20224_MoU dan MoA FSR \(1\).pdf](#)
- 5.

1.4.3 MENGENALPASTI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan Kanan FSR menganalisa pencapaian berbanding sasaran yang telah ditetapkan dan risiko yang telah dikenalpasti sewaktu sesi perbincangan Pengurusan Kanan bersama AJK KPI Fakulti setiap bulan. Inisiatif yang tidak dapat dijalankan ataupun tidak mencapai sasaran akan dianalisa supaya tindakan pencegahan dan penambahbaikan prestasi dapat dilaksanakan.

Pelbagai tindakan penambahbaikan dilakukan untuk menangani risiko yang dikenalpasti seperti memperkasakan kepakaran, penglibatan dan visibiliti staf dalam kalangan jaringan industri melalui MoU dan MoA dengan instituti antarabangsa/tempatan dan juga melalui penganjuran bengkel-bengkel yang berfokus pada penulisan jurnal dan buku, permohonan geran industri, serta inovasi dan komersial. Pengurusan Kanan FSR juga memastikan pendedahan warga FSR dalam aspek keusahawan ditingkatkan melalui pelbagai webinar yang dianjurkan secara percuma.

Pengurusan Kanan FSR peka terhadap peranan penting yang dimainkan oleh media sosial disebalik kejayaan usahawan dalam era digital ini. Oleh demikian, penggunaan aplikasi media sosial terkini seperti TikTok yang pemasaran dianjurkan agar bilangan alumni yang berjaya menjadi usahawan kelak dapat ditingkatkan. Maklum balas daripada peserta terhadap keberkesanan program yang diperolehi melalui google form membolehkan Pengurusan Kanan FSR mengenalpasti ruang untuk penambahbaikan. Pengurusan Kanan FSR juga mementingkan hasil analisa dan tindakan yang diambil untuk penambahaian prestasi dikongsi dengan warga FSR. Sehubungan itu, mesyuarat fakulti diadakan untuk timbalan dekan (Penyelidikan & Jaringan Industri) membentangkan hasil analisa berkaitan dengan jaringan industri dan keusahawan serta tindakan penambahaian yang dilakukan.

Selain daripada mesyuarat fakulti, Pengurusan Kanan FSR juga berkongsi maklumat dari semasa ke semasa melalui kumpulan WhatsApp supaya warga FSR dapat ambil maklum tentang perkembangan terkini.

SENARAI BUKTI :

1. [F0047_K01_KB04_KC03_20221_PROGRAM MASMED FSR \(1\).pdf](#)
2. [F0047_K01_KB04_KC03_20222_Program Jaringan Industri \(1\).pdf](#)
3. [F0047_K01_KB04_KC03_20223_MoU dan MoA FSR \(2\).pdf](#)
4. [F0047_K01_KB04_KC03_20224_minbil 1_2021 \(2\).pdf](#)
5. [F0047_K01_KB04_KC03_20225_Kumpulan WhatsApp FSR.pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Dekan sebagai teraju utama telah mengamalkan kepimpinan berdemokrasi yang baik antara Timbalan Dekan HEA, Timbalan Dekan HEP, Timbalan Dekan PJI, para pensyarah, pentadbir, dan pelajar. Dalam memastikan bidang tumpuan ini bergerak seiring dengan pelan strategik yang telah ditetapkan, kepimpinan kanan telah melaksanakan komunikasi dua hala yang telus antara pihak pengurusan dan semua staf melalui mesyuarat, kumpulan WhatsApp, notis papan kenyataan, pekeliling FSR, e-mel, memo, intranet dan surat menyurat.

Selain itu, dengan memastikan bahawa warga FSR mendapat sokongan dan peluang untuk memperkembangkan jaringan industri dan penglibatan dalam bidang keusahawanan. Dengan menyediakan platform untuk berkerjasama dgn pelbagai industri tempatan dan antarabangsa melalui MoU dan MoA yang telah dimeterai. Penambahbaikan profesionalisma pensyarah dicapai melalui pelaksanaan pelbagai bengkel termasuklah bengkel penulisan jurnal dan buku, permohonan geran industri, serta inovasi dan komersial.

Aspirasi untuk meningkatkan bilangan usahawan dalam kalangan alumni FSR juga diusahakan dengan memberi pendedahan awal dari segi pengetahuan dan juga pengalaman dalam bidang keusahawanan kepada pelajar FSR. Staf FSR juga diberi latihan keusahawanan untuk memastikan bidang tumpuan ini dapat digerakkan dengan lebih berkesan.

Kepentingan perkembangan profesional dan latihan berterusan dalam kalangan warga FSR diberi penekanan dengan penyediaan pembiayaan untuk menghadiri seminar/persidangan, menganjurkan aktiviti luar bersama pihak industri, dan menjalankan program keusahawan. Kerjasama antara FSR dengan industri antarabangsa seperti penganjuran webinar kesihatan bersama dengan Anlene (Fonterra), penyediaan kiosk perniagaan melalui Nescafe Youth Entrepreneurship Program dan penyediaan modul latihan dengan International Soccer Science & Performance Federation serta MoU/MoA dengan organisasi tempatan seperti Malaysian Association for the Blind dan Viper Sport Academy membuktikan pembudayaan dan komitmen Pengurusan Kanan FSR untuk melebarkan jaringan industri dan keusahawanan di dalam dan di luar UiTM.

SENARAI BUKTI :

1. [F0047_K01_KB05_20221_PROGRAM MASMED FSR \(1\).pdf](#)
2. [F0047_K01_KB05_20222_Program Jaringan Industri \(1\).pdf](#)
3. [F0047_K01_KB05_20223_MoU dan MoA FSR \(2\).pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Segala perancangan strategik FSR adalah selari dengan perancangan strategik UiTM ke arah menjadikan UiTM sebagai universiti terkemuka dunia ('world renowned university' (WRU). Atas dasar ini, 'performance indicator' telah diwujudkan oleh pihak Bahagian Transformasi Universiti (BTU) kepada FSR agar segala pelaksanaan, pemantauan, pencapaian, hasil dan pelaporan segala aktiviti dan program termasuk berkaitan Jaringan Industri dan Keusahawanan dapat dijalankan dengan berkesan dan sistematik. Bagi tahun 2021, pihak BTU telah menetapkan 10 PI berkaitan Jaringan Industri dan Keusahawanan kepada FSR sebagai sasaran pencapaian.

Lima PI berkaitan Jaringan Industri dan pelaksanaannya adalah:

1. Jumlah pelajar FSR yang menjalani latihan industri di syarikat-syarikat multinasional (PI023).
2. Jumlah pelajar FSR yang menjalani latihan industri di syarikat-syarikat 2000 terkemuka dunia (Forbes 200) (PI024).
3. Jumlah MOU/MOA bersama pihak industri antarabangsa (PI082).
4. Jumlah MOU/MOA bersama pihak industri tempatan (PI083).
5. Jumlah staf yang memiliki pengalaman industri (PI093).

Manakala 5 PI berkaitan keusahawanan adalah:

1. Jumlah alumni FSR yang berjaya menjadi usahawan (PI022)
2. Peratusan pelajar yang menjadi usahawan (PI025).
3. Jumlah perniagaan pelajar yang mendapat suntikan modal (PI026)
4. Jumlah pendidik keusahawanan (PI027)
5. Jumlah pelajar terlibat di dalam program keusahawanan yang membabitkan inovasi dan teknologi (PI030).

Dalam menjayakan pelaksanaan strategik dan inisiatif yang telah ditetapkan ini, FSR telah mengaplikasikan pelan pemantauan berdasarkan model IAOOI (Inputs, Activities, Outputs, Outcomes, Impacts) dan PDCA (Plan, Do, Check, Action). Pada dasarnya, pelaksanaan PI berkaitan jaringan industri di FSR adalah di bawah tanggungjawab Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi serta Industri, Komuniti, Alumni dan Jaringan (PI & ICAN), manakala keusahawanan di bawah tanggungjawab Penyelaras Keusahawanan yang dilantik oleh pihak MASMED. Plan Tindakan Strategik (SAP) telah ditetapkan di awal tahun bagi mencapai PI-PI tersebut. Di bawah SAP ini, berbagai program yang berkaitan telah dirangka dan dilaksanakan.

Bagi menjamin segala SAP dilaksanakan, pemantauan setiap program telah dilaksanakan melalui pelaporan setiap bulan. Pelaporan kemajuan SAP dan pencapaian PI dibentangkan di dalam mesyuarat Pengurusan Kanan Fakulti yang diadakan setiap bulan dengan dihadiri penyelaras strategik transformasi universiti (PSTU). Melalui sistem UePMO, maklumat kemajuan SAP dimuatnaik ke pihak Peneraju dan BTU bagi tujuan pengesahan pencapaian PI dan pemantauan oleh pihak Pengurusan Universiti.

Laporan BTU yang dikeluarkan setiap bulan menjadi teras kepada proses penambahbaikan bagi setiap SAP yang belum mencapai status PI 100%. Secara dasarnya, penambahbaikan dilakukan melalui penilaian risiko ketidakmenjadian sesuatu projek yang telah dikaji di peringkat awal semasa proses perancangan SAP dibuat. Pengurusan risiko (risk management) disemak dan dikaji bagi menentukan pelan mitigasi (mitigation plan) yang perlu diguna bagi meningkatkan peratusan pencapaian PI. Proses ini difikir dapat sedikit sebanyak membantu pihak yang terlibat untuk mengambil langkah mewujudkan tindakan alternatif jika sesuatu inisiatif yang telah dirancang dan dijalankan itu tidak menepati sasaran yang telah ditetapkan.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

FSR sentiasa memastikan visi dan misi UiTM dapat dicapai secara keseluruhan. Oleh yang demikian, perancangan Objektif Strategik FSR adalah berdasarkan Rancangan Malaysia ke Sebelas (RM Ke-11) supaya ianya seiring dalam mencapai objektif negara terutamanya dari segi pendidikan. Sebagai sebuah institusi pendidikan, FSR bersikap optimis dengan menjalinkan hubungan dan kerjasama dengan pihak industri mahupun komuniti dalam merealisasikan objektif FSR yang seiring dengan objektif RM Ke-11 UiTM.

AKNC merupakan Model kecemerlangan UiTM yang menitik beratkan aspek kepimpinan, perancangan strategik, tumpuan pelanggan, keutamaan pengukuran dan analisis, pengurusan sumber manusia dan pengoperasian proses. Ini dapat dizahirkan melalui sembilan (9) bidang tumpuan bagi tujuan pelaporan AKNC. FSR telah memilih bidang tumpuan jaringan industri dan keusahawanan untuk tujuan pelaporan pada tahun ini. Komitmen warga FSR yang meliputi staf akademik dan staf pentadbiran sentiasa dititikberatkan dalam sesuatu pengurusan bagi membolehkan Objektif dan Inisiatif Strategik yang dirancang dapat dicapai.

FSR telah merangka pelan strategik 2020- 2025 dengan menggariskan beberapa objektif dan inisiatif (Bukti 1 dan Bukti 2), antaranya ialah;

- 1) Memperluaskan jaringan antara Akademia, Industri dan Masyarakat.
- 2) Meningkatkan projek pemindahan ilmu dan akademia dengan kerjasama industri dan komuniti.
- 3) Melaksanakan lebih banyak program sangkutan industri bagi membolehkan staf akademik berkongsi pengetahuan dan menerokai idea baharu.
- 4) Mengenalpasti tokoh alumni yang berjaya dan melantik mereka untuk menjadi mentor atau ikon kepada rancangan pembangunan kerjaya pelajar.
- 5) Menumpukan graduan yang berdaya saing yang mahir dalam bidang keusahawanan.
- 6) Menyediakan ruang dan peluang latihan dan kursus yang berkaitan kepada staf dan pelajar.
- 7) Menganjurkan program-program keusahawanan dengan menggalakkan penyertaan daripada industri dan pelajar.

Namun, bagi tujuan pelaporan AKNC 2021 ini, sebanyak sepuluh inisiatif Projek Berimpak FSR 2021 telah dipilih sebagai projek paling berimpak (Bukti 3), iaitu dengan memfokuskan kepada bidang tumpuan jaringan industri dan keusahawan.

SENARAI BUKTI:

1. [F0047_P01_PB02_20221_PI Achievement Report UiTM 2025 FY2021_December2021_FSR-signed.pdf](#)
2. [F0047_P01_PB02_20222_SAP2021- Department Progress Report_latest 01Oct2021.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi mencapai Objektif dan Inisiatif Strategik, FSR menggunakan Pemetaan Teras Akademia, Industri dan Masyarakat, Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersilan dan Kepimpinan yang telah dirangka berdasarkan kepada RM Ke-11 UiTM (2016 - 2020). Pemetaan ini digunakan bagi memastikan Objektif dan Inisiatif Strategik tidak tersasar dari objektif yang ingin dicapai. Sebelas (11) agenda utama UiTM telah diselaraskan dengan idea lonjakan di peringkat KPT (Bukti 1). Walau bagaimanapun, bagi keperluan pelaporan AKNC, hanya **dua teras** ini iaitu **jaringan industri dan keusahawanan** dijangka dengan agenda utama UiTM, objektif strategik, kaedah sokongan dan inisiatif FSR.

TERAS 1 - Jaringan Industri

AGENDA UTAMA UiTM - Kecemerlangan Bakat & Kemampunan Kewangan

OBJEKTIF STRATEGIK - Memperluaskan jaringan antara academia dan industri. Ini adalah bagi meningkatkan aksesibiliti dari segi perkongsian ilmu yang membantu di dalam merealisasikan RM Ke-11; dan Meningkatkan projek pemindahan ilmu dan academia dengan mengadakan kerjasama dengan industri sama ada dari lokal atau luar negara.

KAEDAH SOKONGAN - Peningkatan kolaborasi dengan universiti lain, agensi luar dan badan-badan bukan kerajaan.

INISIATIF FSR - memeterai MOU lokal: Cyberlynx, Malaysia Association for the Blind (MAB), Viper Sport Academy; dan MOU Luar negara: UNESCO, Ajinomoto, ISSPF (Bukti 2)

TERAS 2 - Keusahawanan

AGENDA UTAMA UiTM - Kecemerlangan Bakat & Kemampunan Kewangan

OBJEKTIF STRATEGIK - Membuka dan meningkatkan penjana pendapatan melalui aktiviti jaringan industri.

KAEDAH SOKONGAN - Menjana pendapatan melalui aktiviti keusahawanan dan menjalankan program galakan yang berinovatif dan berteknologi sebagai platform percambahan ilmu kepada golongan usahawan dalam kalangan pelajar dan staf.

INISIATIF FSR -

Nescafe Youth Entrepreneurial Program;

Webinar Digital Marketing: Social Media Marketing Basics for Your Ultimate Success;

Tiktok Class for Business Marketing;

Bengkel Mastering Innovation Through Design Thinking.

(Bukti 3)

SENARAI BUKTI :

1. [F0047_P01_PB03_20221_PI Achievement Report UiTM 2025 FY2021 B.pdf](#)
2. [F0047_P01_PB03_20222_K2-Bukti 2.pdf](#)
3. [F0047_P01_PB03_20223_REKOD PROGRAM DI BAWAH MASMED FSR.xlsx - Sheet1.pdf](#)
- 4.
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Dalam menjayakan pelaksanaan Objektif Strategik dan Inisiatif Strategik dengan berkesan, FSR telah mengaplikasikan pelan pemantauan berdasarkan model IAOOI (Inputs, Activities, Outputs, Outcomes, Impacts) dan PDCA (Plan, Do, Check, Action). Pelan pemantauan ini juga telah digunapakai oleh semua bahagian di FSR terutamanya dalam mengurus dan melaksanakan projek-projek di bawah Inisiatif Projek FSR 2021. Kaedah ADLI (Approach, Deploy, Learning, Integration) juga telah digunakan di dalam melaksanakan pelan pemantauan objektif strategik FSR seperti penerangan di bawah:

Kaedah: Approach (A)

Pelaksanaan : FSR telah menggunakan pendekatan Amanat Dekan bagi menyampaikan pelan Inisiatif Projek FSR 2021 (Bukti 1). Penyelaras bagi setiap inisiatif telah dilantik bagi melaksanakan projek yang telah dirangkakan.

Kaedah: Deploy (D)

Pelaksanaan : Setiap penyelaras inisiatif telah diberikan tanggungjawab bagi membentuk pasukan kerja dan mengenalpasti tugas-tugas yang perlu diagihkan kepada setiap ahli pasukan kerja. Siri mesyuarat dikendalikan bagi mewujudkan interaksi antara ahli dan memudahkan semakan progres tugas masing-masing dalam diselaraskan mengikut garis perancangan masa setiap projek (Bukti 2).

Kaedah: Learning (L)

Pelaksanaan : Setiap projek perlu dipantau dari semasa ke semasa melalui sesi pembentangan mengikut perancangan penyelaras projek. Setiap penyelaras yang telah mencapai objektif strategik telah berkongsi maklumat dengan kumpulan-kumpulan yang lain serta seluruh warga fakulti (Bukti 3). Seluruh warga FSR serta unit komuniti lain amnya, secara tidak langsung mendapat manfaat atas penganjuran projek (Bukti 4).

Kaedah: Integration (I)

Pelaksanaan : Menerusi Perancangan Inisiatif Projek FSR 2021, fakulti telah mendapat peluang untuk berkolaborasi dengan beberapa organisasi yang memberi pengiktirafan kepada pihak fakulti untuk mengoptimumkan kepakaran akademik dan kebolehpasaran dalam penjaan kewangan apabila berkolaborasi dengan *International Soccer Science Performance Federation* (ISSPF) (Bukti 5). Begitu juga, dengan manafaat yang dapat diperolehi melalui program keusahawanan dengan Nestle Product Sdn Bhd melalui Program *Nescafe Youth Entrepreneurship* (NYEP) 2021. Impak dari elemen inovatif dan teknologi turut dapat dicapai melalui pengalaman perniagaan mengurus kafe mudah alih serba lengkap dengan kios Nescafe di premis universiti (Bukti 6).

Selain daripada itu, FSR telah merangka pelan pemantauan secara menyeluruh ke atas KPI yang ditetapkan bagi memastikan objektif strategik dan inisiatif strategik dapat dicapai. Pemantauan ini dilakukan secara konsisten, progresif dan berkala agar momentum pelaksanaan itu berjalan dengan lancar seperti yang direncanakan. Setiap proses pemantauan ini disertakan dengan tempoh dan jangkamasa agar ia memudahkan aspek pengurusan dan penambahbaikan melalui agenda mesyuarat pengurusan tertinggi fakulti (Bukti 7). Pemantauan ini perlu bagi memastikan semua inisiatif dirangka ini sentiasa mematuhi objektif yang telah ditetapkan agar sentiasa berada pada landasan yang tepat.

Melalui hasil pemantauan dengan menggunakan model IAOOI dan PDCA, FSR dapat memantau keberkesanan sesuatu objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang. Semua maklumat yang diperolehi ini akan menjadi penanda aras kepada setiap inisiatif yang dilaksanakan. Ia juga membantu pihak yang terlibat untuk mengambil langkah dengan

mewujudkan alternatif lain jika sesuatu inisiatif yang dirangkaikan itu tidak mencapai sasaran. Punca ketidakcapaian akan dikaji agar langkah pembetulan dan penambahbaikan dapat diambil dengan secepat mungkin.

SENARAI BUKTI:

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Selaras dengan agenda Transformasi UiTM untuk memantapkan tadbir urus universiti, pengurusan risiko merupakan aspek utama bagi FSR untuk merealisasikan objektif strategik selaras dengan Inisiatif Projek FSR 2021. Berikut merupakan senarai risiko yang telah dikenalpasti berdasarkan laporan Pencapaian Prestasi FSR 2021 yang difokuskan kepada inisiatif jaringan industri dan keusahawanan (Bukti 1) yang dijalankan.

Inisiatif - MOU Lokal dan Luar Negara

Risiko : Akses pergerakan yang masih lagi terhad atas sebab wabak Covid-19 yang terus menular, dengan pelbagai saranan yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang perlu diambil berat.

Faktor Risiko :

1. Tidak semua program dapat direalisasikan apabila melibatkan akses pergerakan yang mengekang kepada kebolehcapaian objektif program itu sendiri. Ini merujuk kepada program latihan dan pendidikan yang memerlukan keberadaan kumpulan sasar secara bersemuka.
2. Susulan dari itu, penajaan kewangan tidak dapat dilaksanakan dengan optimum kerana masih perlu mengutamakan aspek pengawalan kesihatan berdasarkan keadaan pandemik covid yang masih dibimbangi.
3. Tiada pelajar yang mengikuti Latihan Industri dalam kalangan 2000-Syarikat Terbaik bertaraf dunia.
4. Tiada pensyarah yang memperolehi penerbitan berindek melalui kolaborasi industri.
5. Sasaran nilai penajaan geran melalui kolaborasi industri tidak dapat dicapai.

Inisiatif - Keusahawanan

Risiko : Peratusan sasaran usahawan siswa tidak mencapai objektif yang ditetapkan.

Faktor Risiko : Pelajar tidak mengetahui tentang program-program galakan yang disediakan kepada mereka yang berminat dan berpotensi untuk memulakan perniagaan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0047_P01_PB04_PC02_20221_PI Achievement Report UiTM 2025 FY2021 B \(1\).pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Perancangan bagi mengatasi risiko adalah sangat penting bagi memastikan inisiatif yang dilaksanakan dapat memberi impak seterusnya, dan meningkatkan aksesibiliti dari segi perkongsian ilmu yang akan membantu di dalam merealisasikan RM Ke-11.

Pengurusan Kanan FSR sentiasa menitikberatkan aspek penambahbaikan program. Justeru itu, kaedah yang diguna pakai dalam menilai prestasi kerjasama dan program yang dijalankan adalah melalui maklum balas keberkesanan program. Ianya dijadikan sebagai petunjuk prestasi program yang dijalankan. Pihak Pengurusan Kanan FSR juga mengambil langkah untuk berbincang dan bekerjasama dengan industri secara bermesyuarat atas talian dan bersemuka jika jumlah delegasi adalah kecil.

Penambahbaikan atau pelan mengatasi risiko perlu melihat kepada risiko itu sendiri dan mengenalpasti pihak yang perlu disasarkan dalam inisiatif yang berkaitan. Dalam inisiatif menjalinkan hubungan baik dengan industri adalah memerlukan kepada penglibatan menyeluruh dari warga fakulti terutamanya pensyarah.

Pelan yang boleh dirangka adalah dengan memantapkan atau mewujudkan pasukan bagi menggerakkan inisiatif yang direncanakan. Pihak pengurusan fakulti juga boleh mempertimbangkan untuk peruntukan kelonggaran/fleksibiliti waktu bekerja kepada ahli pasukan projek yang terlibat dengan sebarang khidmat atau sumbangan.

Kurangnya penyertaan dalam kalangan pelajar boleh diperbaiki dengan mengadakan lebih kerap sesi perjumpaan dengan pihak fakulti atau penyelarass projek untuk memberikan penerangan atau bentuk promosi yang lebih menarik supaya mereka lebih bermotivasi untuk terlibat dengan inisiatif atau program-program yang direncanakan untuk mereka. Dalam masa yang sama, pihak fakulti dapat menyaring kelompok pelajar ini.

SENARAI BUKTI :

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

FSR sentiasa berusaha meningkatkan keberhasilan sesuatu projek melalui hasil pelaksanaan atau penambahbaikan yang berterusan. Bagi memastikan agar tahap pembudayaan yang terhasil dari pelaksanaan dan penambahbaikan perancangan strategik untuk bidang tumpuan jaringan industri dan keusahawanan ini, Pengurusan tertinggi fakulti sentiasa menyarankan agar warga fakulti menghayati dan mengamalkan Kod Nilai dan Etika Warga UiTM dalam memantapkan budaya kerja berintegriti. Asas ini sangat penting sebagai amalan warga kerja FSR.

Selain dari amalan bermodelkan Kod Nilai dan Etika Warga UiTM, amalan pembentangan pencapaian prestasi berdasarkan KPI juga dilakukan secara berkala di dalam Mesyuarat Pentadbir Akademik. Setelah diminitkan, laporan pencapaian ini kemudiannya diwar-warkan kepada seluruh warga fakulti di Mesyuarat Akademik yang dijadualkan.

Usaha yang konsisten ini, bertujuan bagi memastikan seluruh warga fakulti mengetahui pencapaian semasa dan jika pencapaian semasa didapati tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan, maka tindakan segera harus diambil oleh penyelaras yang telah dipertanggungjawabkan. Sokongan yang tidak berbelah bagi dari setiap lapisan warga kerja adalah sangat dituntut bagi membolehkan kerja yang nampak mustahil untuk dicapai oleh individu berkaitan, tetapi dengan sokongan dan tindakan segera dari warga staf akan menjadikan kejayaan yang dicapai itu lebih bermakna. Inilah yang mencetuskan dana menyemarakkan rasa kekitaan dalam kalangan warga fakulti.

SENARAI BUKTI :

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Tumpuan pelanggan mempunyai tujuan yang sangat jelas bagi memastikan kelestarian diantara FSR dan pelanggan yang berpotensi untuk menzahirkan organisasi yang berkualiti seiring dengan kehendak negara. Bagi mencapai Hasrat ini, pihak pengurusan FSR telah mengenalpasti pelan tindakan serta kandungan yang berimpak bagi memastikan misi dan visi FSR dalam kontek jaringan industri dan keusahawanan dapat dicapai.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

FSR menentukan keperluan kumpulan sasaran bagi bidang tumpuan melalui beberapa kaedah mengikut pelanggan yang ditetapkan. Dengan kaedah penentuan ini, pihak pengurusan dapat merangka segala bentuk aktiviti dan program berkaitan bidang tumpuan yang sesuai dijalankan bagi memastikan keperluan pelanggan dipenuhi. Untuk itu, pihak pengurusan sentiasa membuka ruang dan peluang kepada pelanggan FSR untuk memberi input serta idea yang bersesuaian untuk di implimentasikan di FSR. Dalam usaha merealisasikan aspirasi jaringan industri dan keusahawanan FSR, pihak PTJ telah bertindak proaktif dengan mengenalpasti kumpulan sasaran dan memberi tumpuan kepada pelanggan yang terdiri daripada pelajar, staf (akademik dan pentadbiran) dan rakan industri.

SENARAI BUKTI:

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Data pelanggan dikumpul dan disimpan melalui kelolaan Timbalan Dekan Penyelidikan dan Jaringan Industri (TDPJI) FSR bagi program berkaitan jaringan industri, manakala program keusahawanan dikelolakan oleh Koordinator Malaysian Academy of SME & Entrepreneurship Development (MASMED).

SENARAI BUKTI :

1. [F0047_T01_TB03_20221_LAMPIRAN 1_Industri - MOU _MOA _LOI Bersama Industri 2021 \(1\).pdf](#)
2. [F0047_T01_TB03_20222_LAMPIRAN 2_Senarai Program MASMED 2021.pdf](#)
3. [F0047_T01_TB03_20223_LAMPIRAN 3_Bukti Program MASMED staf Surat pencalonan pensyarah bagi kursus online Mastering Design Thinking.pdf](#)
4. [F0047_T01_TB03_20224_LAMPIRAN 4_BUKTI PROGRAM MoU_MoA.pdf](#)
5. [F0047_T01_TB03_20225_LAMPIRAN 5_BUKTI PROGRAM MASMED PELAJAR SURAT PERMOHONAN PENEMPATAN KIOSK NESCAFE \(NYEP\).pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Melalui program MoU/MoA manfaat yang telah didapati oleh pelanggan yang terdiri daripada staf akademik dan pentadbiran adalah berbeza mengikut program yang dilaksanakan. Sebagai contoh, melalui program MoU FSR bersama pihak industri iaitu Ajinomoto, ianya memberi pendedahan kepada pensyarah Sains Sukan dalam kepentingan aplikasi *Amino Acid* dalam meningkatkan prestasi sukan melalui program "*Winning Meal Kachimeshi*" yang telah dilaksanakan.

SENARAI BUKTI:

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Terdapat beberapa risiko yang telah dikenalpasti dalam pelaksanaan program Jaringan Industri dan Keusahawanan ini. Tambahan pula negara masih lagi berhadapan dengan pandemik Covid-19 yang banyak mengubah lanskap penyaluran perkhidmatan kepada pelanggan seperti halangan bagi menjalankan aktiviti seraca bersemuka. Para pelanggan lain juga perlu mengadaptasi kaedah perkhidmatan yang baru di alam maya disebabkan perkhidmatan secara fizikal adalah terhad.

SENARAI BUKTI :

1. [F0047_T01_TB04_TC02_20221_Lampiran 6_Pekeliling Dekan bil 3_2021 \(1\).pdf](#)
2. [F0047_T01_TB04_TC02_20222_Lampiran 7_MAKMAL PRESTASI MANUSIA DAN KOMPUTER.pdf](#)
3. [F0047_T01_TB04_TC02_20223_Lampiran 8_MEDIUM KOMINIKASI FSR.pdf](#)

3.4.3 MENGAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Hasil dari maklum balas dan aduan pelanggan, pihak pengurusan telah mengenalpasti masalah berdasarkan aduan pelanggan. Pihak pengurusan telah mengambil tindakan dengan mengadakan perbincangan melalui mesyuarat secara berkala bagi mencari jalan penyelesaian bagi setiap isu.

SENARAI BUKTI :

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Hasil daripada penambahbaikan yang diambil oleh pihak fakulti telah memberi impak yang positif dimana berlaku peningkatan pembudayaan dalam penyelidikan dan inovasi dikalangan staf akademik. Ini dapat dibuktikan dengan peningkatan permohonan geran, penerbitan jurnal berimpak dan penglibatan dalam pertandingan inovasi. (Rujuk lampiran 9 dan 10). Disamping itu, pihak pengurusan melalui TDPJI terus berusaha mencari peluang untuk menjalankan aktiviti jaringan industri dengan pelbagai organisasi.

SENARAI BUKTI :

1. [F0047_T01_TB05_20221_Lampiran 9 Bukti pembudayaan jaringan industri melalui penyelidikan dan penerbitan jurnal berimpak oleh staf akademik.pdf](#)
2. [F0047_T01_TB05_20222_Lampiran 10_Pembudayaan Inovasi.pdf](#)
3. [F0047_T01_TB05_20223_Lampiran 11_Bukti penggunaan google drive.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengukuran merupakan elemen penting bagi memastikan analisa petunjuk prestasi dapat dijalankan bagi memastikan sama ada objektif FSR dapat dicapai atau tidak. Pihak pengurusan tertinggi FSR telah memastikan aktiviti pengukuran dijalankan dengan mengambil kira petunjuk prestasi utama (KPI) universiti dan fakulti bagi menentukan tahap pencapaian FSR dari aspek jaringan industri dan keusahawanan. Penekanan pengukuran kriteria adalah penglibatan dan kerjasama FSR dengan pelbagai sektor dan agensi luar di peringkat antarabangsa, kebangsaan, universiti dan fakulti. Bagi memastikan program-program yang dijalankan dapat ditambah baik dari masa ke semasa, penilaian dan analisa data akan dibuat berdasarkan data yang dikumpul bagi setiap program secara berkala. Pemantauan program berdasarkan kriteria pengukuran turut dijalankan bagi memastikan proses penambahbaikan berterusan dapat dilaksanakan oleh FSR. FSR juga komited dalam memastikan hasil dari proses pengukuran ini digunakan dalam membuat keputusan dalam menentukan hala tuju FSR serta untuk tujuan penghargaan kepada pihak yang terlibat dalam memastikan jaringan industri dan keusahawanan FSR terus mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Terdapat kepelbagaian ukuran yang digunakan bagi mengukur pencapaian FSR. Perancangan yang diambil oleh pihak pengurusan tertinggi FSR dalam memantau operasi dan pencapaian keseluruhan FSR adalah dengan mengambil pendekatan menyemak Petunjuk Prestasi Utama (KPI) untuk memastikan penambahbaikan yang berterusan dimana dapat meningkatkan Sistem Pengurusan Kualiti FSR. Perancangan dilaksanakan melalui mesyuarat yang membincangkan perancangan strategik FSR yang diadakan sekali setiap tahun. Melalui mesyuarat perancangan strategik ini, setiap bahagian akan membincangkan, menilai dan melaporkan secara menyeluruh mekanisma pengukuran pencapaian yang berkaitan dengan bahagian dan bidang masing-masing. Maklumat dan hasil perbincangan yang diperolehi melalui mesyuarat perancangan strategik FSR sangat membantu pihak pengurusan FSR menggariskan mekanisma pengukuran yang berkesan untuk mencapai KPI yang telah ditetapkan. Satu mesyuarat pembentangan Petunjuk Prestasi (KPI) telah diadakan untuk membentangkan KPI tahun 2021 kepada semua warga FSR. Pendekatan ini adalah perancangan pihak pengurusan FSR untuk memastikan KPI ini difahami dan dapat dicapai oleh semua warga FSR. Pengukuran prestasi jaringan industri dan keusahawanan FSR adalah selari dengan perancangan strategik UiTM. Bahagian Transformasi Universiti (BTU) telah menetapkan KPI kepada FSR agar segala pelaksanaan, pemantauan, pencapaian, hasil dan pelaporan segala aktiviti dan program termasuk berkaitan Jaringan Industri dan Keusahawanan dapat dijalankan dengan berkesan dan sistematik. Pihak pengurusan tertinggi FSR telah memastikan proses pengukuran ini melibatkan pengumpulan data secara sistematik dari masa ke semasa. Lampiran 1 menunjukkan data pelan tindakan strategik FSR (SAP) berkaitan jaringan industri dan keusahawanan bagi tujuan pengukuran prestasi FSR.

SENARAI BUKTI:

1. [F0047_A01_AB02_20221_4.2 LAMPIRAN 1 \(1\).pdf](#)
2. [F0047_A01_AB02_20222_LAMPIRAN 4.2 CABUTAN MINIT MENSYUARAT PERANCANGAN STRATEGIK FSR 2021 \(1\).pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Data-data yang digunakan untuk mengukur item ukuran telah dikumpul oleh penyelaras yang bertanggungjawab mengikut bahagian masing-masing. Proses pengumpulan data dimulakan dengan memperolehi data aktiviti/program yang telah dilaksanakan melalui penyelaras, ketua projek, penasihat projek menyediakan laporan. Seterusnya laporan dihantar kepada bahagian PJI dan MASMED untuk dikumpulkan dan dianalisa. Tindakan diambil untuk perancangan dan penambahbaikan untuk program seterusnya. Pihak pengurusan tertinggi FSR juga telah memastikan data-data pencapaian berkaitan jaringan industri dan keusahawanan di bentangkan dan dilaporkan di peringkat tertinggi dan juga seluruh warga FSR melalui Amanat Dekan, Mesyuarat Pengurusan Tertinggi FSR, Mesyuarat Akademik FSR dan Mesyuarat Fakulti. Hasil analisa data dan maklumat yang diperolehi dibentangkan, dikongsi dan dimaklumkan kepada warga FSR seperti yang dirumuskan di dalam lampiran 2A. Penyebarluasan ini telah memberi pendedahan maklumat kepada warga FSR dan seterusnya telah dapat menggerakkan warga FSR kearah pencapaian yang lebih tinggi dalam aktiviti jaringan industri dan keushawanan FSR. Pengurusan pengetahuan aktiviti dan program bersama industri dan keusahawanan turut mengambil kira sumbangan program berdasarkan tahap pelaksanaan dari peringkat fakulti, universiti sehingga antarabangsa (Lampiran 2B).

SENARAI BUKTI :

1. [F0047_A01_AB03_20221_4.3 LAMPIRAN 2A 2B \(1\).pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan dilaksanakan secara berperingkat berdasarkan program yang dilaksanakan. Proses analisa data dibuat secara berperingkat dan berkala. Hasil penganalisaan data dari pendekatan di atas telah digunakan oleh Pengurusan Tertinggi FSR melalui mensyuarat pembentangan perancangan strategik, Menyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) dan mensyuarat pengurusan tertinggi FSR untuk memantau dan menyemak semula prestasi sasaran pencapaian bidang tumpuan berdasarkan Petunjuk Prestasi Utama yang telah di tetapkan. Ini bagi memastikan perancangan dan pelaksanaan bidang tumpuan iaitu Jaringan Industri dan Keusahawanan dengan fokus kepada visibility pensyarah FSR yang holistik dan dinamik melalui smart dan public-private partnership serta kolaborasi dengan industri berjalan dengan efisien dan efektif bagi mencapai sasaran serta menghasilkan inovasi yang menambahbaik prestasi secara berterusan.

Hasil daripada penganalisaan data bagi penambahbaikan prestasi, maka beberapa garis panduan telah di wujudkan bagi setiap perancangan dan pelaksanaan Jaringan Industri dan Keusahawanan:

- 1) Menyelaras aktiviti yang berimpak dalam memastikan pengurusan hubungan dua hala di antara tiga pihak iaitu FSR, Jaringan industri dan Keusahawanan.
- 2) Membantu fakulti dalam proses menjalin hubungan akademik dan industry melalui Memorandum Persefahaman dengan pihak berkepentingan daripada pelbagai sektor dan agensi.

Maklumat ini juga penting dalam membantu pengurusan pengetahuan untuk merangka program yang berkaitan Jaringan Industri dan Keusahawanan. Usaha yang dilaksanakan ini adalah bertujuan bagi melahirkan graduan FSR yang profesional, dinamik, berdaya saing, berketerampilan, beretika serta mampu mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran melalui objektif dan inisiatif dalam Jaringan Industri dan Keusahawanan. Amalan yang berjaya mencapai sasaran yang telah di tetapkan akan di kongsi dan di sebarluas manakala amalan yang tidak mencapai sasaran akan diperbaiki berdasarkan penambahbaikan berterusan seperti dalam Lampiran 1.

SENARAI BUKTI:

1. [F0047_A01_AB04_AC01_20221_BUKTI-compressed.pdf](#)
2. [F0047_A01_AB04_AC01_20222_LAMPIRAN 4.4.1 CABUTAN MINIT MESYUARAT KAJI SEMULA PENGURUSAN \(1\).pdf](#)
3. [F0047_A01_AB04_AC01_20223_LAMPIRAN 4.4.1 CABUTAN MINIT MESYUARAT FAKULTI FSR \(1\).pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Mengenalpasti risiko secara holistik merupakan cabaran besar tadbir urus FSR dalam setiap perancangan bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan. Risiko sememangnya mustahil untuk di elakkan, namun begitu sekiranya risiko diuruskan dengan berkesan, ianya mampu membantu memacu FSR ke aras yang lebih tinggi. Untuk tujuan ini, Jawatan kuasa Pengurusan Risiko FSR telah di wujudkan dan berperanan dalam mengawalselia aspek risiko berkaitan operasi, keselamatan, kesihatan pekerjaan dan kebajikan. Selain itu, jawatankuasa ini juga berperanan dalam melaksana setiap proses kerja dengan memastikan setiap operasi yang dijalankan mencapai piawaian yang ditetapkan serta mengurangkan risiko ketidakpatuhan dan tersasar dari KPI.

Berikut merupakan antara risiko-risiko yang telah dikenalpasti dalam bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan:

- 1) persaingan menjalinkan kolaborasi bersama pemain industri utama
- 2) persaingan mendapatkan geran dan dana projek untuk tujuan penyelidikan
- 3) cabaran mencari peluang untuk melonjakkan dana bagi keusahawanan
- 4) persaingan untuk meningkatkan ketampakan FSR di peringkat antarabangsa.

Pengurusan Kanan FSR sangat mengambil berat terhadap risiko-risiko ini dan kebarangkalian kegagalan pelaksanaan aspek industri dan keusahawanan dalam memastikan objektif strategik berjaya dicapai. Oleh yang demikian langkah proaktif dalam pengurusan risiko telah diambil oleh Pengurusan Kanan FSR untuk memantapkan tadbir urus pengurusan khususnya ICAN bagi memastikan FSR akan sentiasa bersedia menghadapi sebarang kemungkinan yang tidak diingini.

SENARAI BUKTI :

1. [F0047_A01_AB04_AC02_20221_LAMPIRAN 4.4.2 CARTA RISIKO \(1\).pdf](#)

4.4.3 MENGENALPASTI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Berdasarkan hasil maklumbalas dan analisa yang di terima, beberapa mekanisme penambahbaikan telah di rancang untuk mengurangkan kesan risiko terhadap pelaksanaan perancangan yang ingin di jalankan. Antara mekanisme penambahbaikan tersebut seperti berikut:

Jaringan Industri

- 1) Lawatan rasmi Pengurusan Kanan FSR ke pemain industri utama.
- 2) Mengenalpasti geran umum yang ditawarkan oleh kerajaan untuk tujuan penyelidikan
- 3) Mengenalpasti industri yang mempunyai dana projek ciptaan dan inovasi sukan dan rekreasi.
- 4) Mengajukan persidangan antarabangsa secara kolaborasi dengan industri yang mempunyai dana persidangan antarabangsa.
- 5) Mengenalpasti kepakaran pensyarah-pensyarah FSR yang boleh diketengahkan untuk perundingan.

Jaringan Keusahawanan

- 1) Mengenalpasti geran Social Public-Private Partnership oleh kerajaan bagi menjayakan inisiatif keusahawanan.
- 2) Mewujudkan kolaborasi bersama Pertubuhan Amal Antarabangsa bagi memperolehi dana penganjuran projek keusahawanan sosial.
- 3) Mengenalpasti ruang niaga untuk ditawarkan kepada mahasiswa bagi memulakan perniagaan di bawah seliaan pensyarah.
- 4) Mengadakan karnival dan bengkel-bengkel pemantapan potensi keusahawanan untuk mahasiswa dan pensyarah.

SENARAI BUKTI :

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Berdasarkan penganalisaan data yang telah di peroleh, dalam usaha memastikan FSR berada pada landasan yang tepat dalam bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan, beberapa langkah proaktif telah di rangka bagi proses pemurnian dan penambahbaikan berterusan.

Dalam bidang tumpuan Jaringan Industri, pihak FSR telah berusaha sebaik mungkin menambahbaik pelaksanaan bidang ini seiring dengan nilai ESI (Excellence, Synergy, Integrity) UiTM dalam setiap kolaborasi bersama pihak industri, agensi luar dan komuniti setempat. Ini bagi memastikan hasil capaian adalah berkualiti dan berimpak tinggi serta bermanfaat kepada FSR, UiTM dan para kolaborator. Selain itu, FSR telah cuba meningkatkan lagi kemahiran para penyelidik FSR untuk menghasilkan kajian bagi menghasilkan lebih banyak produk inovasi berunsurkan sukan dan rekreasi bersama pemain industri utama.

Dalam bidang tumpuan keusahawanan pula, FSR terus berusaha untuk meningkatkan minat dan potensi mahasiswa khususnya dalam bidang perniagaan yang seiring dengan kehendak pasaran semasa, dan tidak terhad kepada ruang lingkup sukan dan rekreasi semata-mata. Kandungan pengajaran dan pembelajaran juga turut diselitkan aktiviti keusahawanan dalam kalangan mahasiswa dan staf FSR bagi menggalakkan warga FSR menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Pihak MASMED FSR terus berusaha membuka jalan dan peluang kepada mahasiswa dan staf FSR dengan menyebarkan maklumat berkaitan program keusahawanan digital contohnya program e-Usahawan bagi menggalakkan warga FSR untuk meningkatkan potensi diri dalam bidang keusahawanan bersesuaian dengan situasi semasa pandemik Covid-19 yang mana menunjukkan peningkatan ketara terhadap perniagaan atas talian.

SENARAI BUKTI :

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Sumber manusia merupakan elemen penting dalam pengurusan organisasi. Warga kerja FSR merupakan nadi penggerak bagi setiap inisiatif strategik dalam mencapai KPI tahunan yang telah ditetapkan. Setiap staf akademik dan staf pentadbiran bersama berusaha mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman bagi menuju kejayaan FSR seperti mana slogan FSR **“Be The Best, Beat The Rest”**. FSR berfokus kepada aspek tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan telah melaksanakan pelbagai kaedah pengurusan sumber manusia yang berkesan bagi mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman dalam menjayakan bidang tumpuan. Selain itu, memastikan warga Fakulti bersama-sama memacu tenaga demi menjadikan FSR sebagai Fakulti terbilang dan cemerlang.

Pemantauan dan pengurusan risiko dalam melihat tahap kepuasan hati pelanggan dan aduan sumber manusia terhadap persekitaran dan sistem kerja di ambil perhatian agar objektif yang telah dirancang mencapai sasaran. FSR sentiasa menjadikan amalan penambahbaikan dalam tindakan pengurusan sumber manusia. FSR juga berusaha untuk memupuk semangat dan kerjasama di kalangan staf melalui inovasi yang terhasil serta penerapan budaya amalan yang baik.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

FSR mengamalkan pengagihan kerja mengikut fungsi dan unit bagi menguruskan sumber manusia. Struktur organisasi disusun dan dibahagikan secara terperinci mengikut skop tugas dan tanggungjawab setiap bahagian. Di bawah unit Jaringan Industri dan Keusahawanan, diketuai oleh Penasihat iaitu Profesor Dr. Mohad Anizu Mohd Nor, Timbalan Dekan Jaringan Industri, Alumni dan Keusahawanan; Profesor Madya Dr. Hosni Hasan, dibantu oleh Koordinator ICAN; Encik Rahmat Adnan, Koordinator Penyelidikan; Dr. Raihana Mohd Sharir, Koordinator MYRA; Puan Nur Hasanah Ruslan serta kerani bagi unit JI&K, Puan Siti Suraya.

Sebagai sebuah pusat tadbir urus yang bertanggungjawab merancang dan melaksanakan aktiviti perhubungan alumni, Unit Jaringan Industri dan Keusahawanan sentiasa seiring dengan hasrat fakulti dan universiti untuk memperkasakan hubungan dan jaringan industri serta alumni. Bagi memperkasakan jaringan dan kerjasama dengan industri, fakulti komited dalam mengadakan kolaborasi bersama industri melalui persetujuan persefahaman memorandum yang membuka lebih banyak peluang kerjasama dalam pelbagai aktiviti dan program. Pelaksanaan aktiviti dan program ini adalah penting dalam memanfaatkan kedua-dua belah pihak.

Manakala jaringan bersama alumni diperkasakan melalui beberapa platform media seperti laman Facebook khusus yang mengumpulkan alumni FSR di mana medium ini memudahkan komunikasi dan perbincangan usahasama dan program di antara pihak fakulti dan alumni. Beberapa program dan projek bersama alumni telah berjaya dilaksanakan seperti perlawanan bola sepak persahabatan di antara warga FSR dan alumni FSR. Melalui aktiviti dan program yang melibatkan kerjasama daripada industri dan alumni ini dapat menyokong teras fungsi fakulti iaitu pengajaran, penyelidikan dan khidmat profesional.

Bagi pengurusan latihan dan kursus ke arah keusahawanan, FSR menyediakan ruang dan peluang kepada staf akademik dan staf pentadbiran dalam mengikuti latihan dan kursus yang direncanakan bagi meningkatkan kemahiran dan kecekapan serta memperluaskan pengetahuan dalam JI&K.

Pihak fakulti melalui MASMED telah menyalurkan sumber latihan dan kursus berkaitan keusahawanan terutamanya dari agensi seperti INSKEN dan MaGIC serta agensi-agensi lain. Usaha ini adalah supaya para staf yang terlibat dapat mengikuti latihan ini sebagai persediaan menjadi tenaga pengajar keusahawanan Fakulti. Hasil daripada latihan tersebut, para staf dapat membantu aktiviti-aktiviti keusahawanan dan pembangunan pelajar sebagai penasihat dan mentor kepada pelajar. Fakulti juga telah berjaya mengadakan Bengkel Penyelidikan pada 4 hingga 8 Januari 2021 yang melibatkan staf akademik dan pelajar FSR dari seluruh kampus FSR di cawangan. Dalam bengkel tersebut, pelbagai aktiviti yang melibatkan taklimat penyelidikan, etika, Myra dan kolokium proposal penyelidikan yang dibentangkan oleh pelajar sarjana dan Phd. Secara tidak langsung, usaha ini dapat meningkatkan keupayaan staf akademik dan pelajar menghasilkan penyelidikan yang berimpak tinggi dan mencapai inisiatif strategik yang telah ditetapkan.

SENARAI BUKTI:

1. [F0047_S01_SB02_20221_CARTA ORGANISASI FAKULTI SAINS SUKAN DAN REKREASI.pdf](#)
2. [F0047_S01_SB02_20222_Attachment senarai MoU dan MoA.pdf](#)
3. [F0047_S01_SB02_20223_Laporan Program MASMED - Webinar GOCOACH.pdf](#)
4. [F0047_S01_SB02_20224_FACEBOOK ALUMNI FSR.pdf](#)
5. [F0047_S01_SB02_20225_VIRTUAL MOU WITH FUKAOKA UNIVERSITY_6DEC2021.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

FSR sentiasa menyokong dan menggalakkan penglibatan staf dalam menyumbangkan kepakaran dan pengalaman bidang mereka kepada fakulti, universiti dan industri. **Penglibatan adalah melalui usahasama dan persefahaman memorandum dengan organisasi seperti institusi pengajian tinggi dan industri** di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Sumbangan kepakaran dan kemahiran dapat dimanfaatkan di dalam industri yang berkaitan seperti menawarkan khimat konsultansi, mentor, tenaga pengajar, dan fasilitator. Contohnya, penglibatan Encik Norasrudin Sulaiman sebagai Penganalisis Prestasi Atlit di Persatuan Bolasepak Selangor, Dr. Hasnul Faizal Hushin Amri sebagai Pengarah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan dan Dr Pekan Ramli sebagai Ketua Penolong Setiausaha Kanan di Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kerjasama dengan badan-badan profesional seperti APIEM, MESSA, ISSPF, MSN, dan Persatuan Perubatan Sukan Malaysia dapat mengetengahkan kualiti kepakaran dan pengalaman staf FSR dalam memacu organisasi bagi mencapai matlamat.

Staf FSR sentiasa berbakti kepada fakulti dengan menyumbangkan masa dan tenaga dalam program bersama industri. **Antara program yang berjaya dilaksanakan adalah program Kursus Pengurusan Sukan Kebangsaan Tahap 1. Dalam program tersebut staf FSR telah menyumbangkan idea dan pengalaman dalam penyediaan modul Pengurusan Sukan dan pada masa yang sama sebagai Tenaga Pengajar kepada Pentadbir Sukan di industri.**

Kepakaran dan pengalaman staf dalam bidang keusahawanan juga penting dalam memacu matlamat Fakulti dalam melahirkan budaya keusahawanan dikalangan warga Fakulti. Beberapa kursus yang dianjurkan oleh MASMED telah dihadiri oleh staf FSR untuk meningkatkan kepakaran dan pengalaman dalam bidang keusahawanan. Antara kursus yang dihadiri adalah teknik Design Thinking yang mengaplikasikan teknik penyelesaian masalah dalam bidang keusahawanan.

Secara langsung, staf FSR bertindak sebagai tenaga pengajar keusahawanan dan penasihat serta mentor kepada para pelajar dalam menjalankan aktiviti keusahawanan. Ilmu dan pengalaman yang diperolehi oleh tenaga pengajar keusahawanan dapat menggerakkan program-program keusahawanan dan membuka ruang kepada para pelajar untuk memasarkan produk dan perniagaan mereka. Bagi merealisasikan budaya keusahawanan dikalangan pelajar, Nestle Product Sdn Bhd melalui program Nescafe Youth Entrepreneurship Program (NYEP) telah menyediakan kiosk perniagaan yang telah dikendalikan oleh pelajar-pelajar FSR di bawah seliaan MASMED FSR. Penglibatan staf dan pelajar FSR dalam bidang keusahawanan telah mencapai matlamat Fakulti dalam melahirkan minat pelajar menceburi dalam bidang keusahawanan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0047_S01_SB03_20221_Bukti 1 Attachment surat lantikan semula Dr Hasnul.pdf](#)
2. [F0047_S01_SB03_20222_Bukti 4 Attachment lantikan Dr Siti Aishah.pdf](#)
3. [F0047_S01_SB03_20223_Bukti 3 Attachment pelantikan Dekan di CYBERLYNX BOARD OF GOVERNORS \(1\).pdf](#)
4. [F0047_S01_SB03_20224_SIJIL KURSUS DESIGN THINKING.pdf](#)
5. [F0047_S01_SB03_20225_SURAT PERMOHONAN PENEMPATAN KIOSK NESCAFE \(NYEP\).pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

FSR sentiasa mengamal dan menerapkan budaya komunikasi yang berkesan dalam organisasi. Antaranya, komunikasi secara dua hala antara pihak Pengurusan dengan warga Fakulti dalam menyampaikan maklumat yang tepat dan terkini. Pada masa yang sama warga Fakulti boleh memberi maklum balas atau respon terhadap maklumat yang diberikan. Selain itu, komunikasi secara terbuka juga turut diamalkan dan diterapkan di antara warga Fakulti dengan menggunakan email dan whatsapp bagi menghubungkan warga secara terbuka. Maklumat yang disampaikan lebih tepat dan berkesan dalam meningkatkan pencapaian yang lebih cemerlang.

Dari aspek tahap kepuasan hati pelanggan, markah Happiness Index (HI) untuk keseluruhan FSR adalah 77% pada tahun 2020 berbanding pada tahun 2018 iaitu 68%. Ini adalah berdasarkan Laporan Infografik UiTM Happiness Index 3.0 (UHI 3.0- edisi COVID 19) menunjukkan peningkatan indeks kegembiraan FSR terhadap emosi positif, keterlibatan, hubungan, makna, pencapaian dan infrastruktur. Kejayaan ini adalah kerana setiap aktiviti yang dirangka oleh FSR sentiasa memastikan keperluan dan memenuhi kepuasan hati warga Fakulti.

Dari aspek Jaringan Industri, Fakulti masih meneruskan aktiviti-aktiviti dalam menjalinkan kerjasama dengan industri, agensi-agensi dan alumni dengan menandatangani persefahaman MoU dan MoA secara 'virtual' bagi mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Pergerakan Pemulihan (PKPP). Antara aktiviti MoU adalah dengan Cyberlynx University College, Akademi Memanah Talhah, dan Fukuoka University, Jepun.

Selain itu, Program Sambutan Jubli Perak FSR 25 Tahun telah diadakan secara 'virtual' dan bersemuka bagi menerapkan ESI I-DART dalam menjalinkan hubungan dengan industri, agensi dan alumni selepas MoU/ MoA diadakan. Pelbagai aktiviti diadakan antaranya adalah International Sports, Health, and Emerging Technologies Summit Conference (ISHE-SC) 2021, Webinar Tanyalah Pakar, dan Program Minggu Kerjaya.

Dari aspek Keusahawanan, masih menggunakan kaedah secara 'virtual' bagi memastikan keperluan dan kepuasan hati warga Fakulti dalam mendapatkan latihan keusahawanan. Antara program yang dijalankan adalah Webinar Tiktok Class for Business Marketing 4.0, gabungan antara industri dengan pelajar FSR dengan menggunakan media sosial iaitu Tiktok (menjadi trend terkini) untuk menjadi usahawan yang berjaya. Penyampaian maklumat melalui media massa juga digunakan bagi mewar-warkan kepada orang ramai mengenai imej Fakulti, jaringan yang telah dijalinkan dengan agensi dalam dan luar negara serta keusahawanan sukan yang telah dilahirkan oleh FSR.

SENARAI BUKTI:

1. [F0047_S01_SB04_SC01_20221_Attachment Happiness Indeks UHI 3.0 bertarikh 24 Mac 2021.pdf](#)
2. [F0047_S01_SB04_SC01_20222_Attachment gambar MoU_program.docx.pdf](#)
3. [F0047_S01_SB04_SC01_20223_Attachment gambar keusahawanan.docx.pdf](#)
4. [F0047_S01_SB04_SC01_20224_Attachment Komunikasi.pdf](#)
5. [F0047_S01_SB04_SC01_20225_MOU CYBERLYNX SIGN \(1\)_compressed \(1\).pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan Risiko merupakan salah satu aspek pengurusan bagi memastikan kualiti kepuasan hati dapat diatasi dengan sistematik. Oleh itu, sistem pengurusan risiko di FSR telah diberi keutamaan dari segi penambahbaikan dan pemantapan dalam mengatasi isu-isu sumber manusia yang terlibat dalam aspek Jaringan Industri dan Keusahawanan (JI&K). Antaranya adalah meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan.

Pada tahun 2021, Malaysia telah dilanda Pandemik COVID-19 dimana setiap aktiviti/ program yang diadakan perlu mematuhi peraturan yang telah dikeluarkan oleh kerajaan dan UiTM. Warga Fakulti telah dimaklumkan mengenai Pekeliling Naib Canselor dan Pekeliling Dekan melalui laman sesawang FSR. Pelbagai program/ aktiviti JI&K telah dijalankan dengan mengambil kira segala pematuhan peraturan yang telah ditetapkan. Risiko yang dihadapi oleh Fakulti adalah kurangnya penglibatan staf dalam program/ aktiviti FSR. Ini adalah disebabkan oleh kekangan masa yang dihadapi oleh warga dengan jadual pengajaran dan pembelajaran serta urusan pentadbiran di Fakulti. Pemakluman awal mengenai program/ aktiviti JI&K secara email/ FB/ whatsapp telah dibuat oleh pihak pengurusan bagi memastikan warga dapat melibatkan diri dalam program/ aktiviti yang telah dirancang.

Risiko berkaitan dengan pengurusan sumber manusia dalam aspek JI&K yang telah dikenalpasti oleh FSR adalah Pelan Penggantian Staf di Fakulti adalah di tahap sederhana. FSR telah menjalankan usaha pelan tindakan dengan mewujudkan program Mentor Mentee.

SENARAI BUKTI :

1. [F0047_S01_SB04_SC02_20221_Pekeliling_Dekan_bil_1_2021.pdf](#)
2. [F0047_S01_SB04_SC02_20222_Pemakluman_melalui_FB_mengenai_program_FSR.docx.pdf](#)
3. [F0047_S01_SB04_SC02_20223_Pelantikan_Mentor_Mentee_PM_Dr_Firhad_\(1\).pdf](#)
4. [F0047_S01_SB04_SC02_20224_Attachment_gambar_keusahawanan.docx.pdf](#)

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

FSR memberi penekanan kepada persekitaran dan sistem kerja yang kondusif bagi menggalakkan aktiviti Jaringan Industri & Keusahawanan berjalan dengan lancar. Suasana persekitaran kerja yang selesa secara tidak langsung membantu kelancaran tugas di FSR.

FSR telah menyediakan bilik Research Garden dan bilik kuliah yang lengkap dengan kemudahan ICT, luas dan selesa serta berhawa dingin untuk kegunaan staf dan pelajar sebagai tempat pengajaran dan pembelajaran, perbincangan dan penganjuran aktiviti-aktiviti JI&K secara atas talian. FSR juga menyediakan Makmal Suaian Fizikal untuk digunakan oleh pelajar, staf dan pihak luar bagi menjalani aktiviti santai atau formal. Di samping itu, FSR juga mewujudkan medium Maklumbalas Pelanggan dan Aduan dengan menggunakan QR Code bagi mengambil berat kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada staf, pelajar, organisasi luar untuk penambahbaikan berterusan ke atas perkhidmatan yang telah digunakan semasa aktiviti-aktiviti JI&K dijalankan.

Pelbagai medium digunakan oleh pihak Pengurusan bertindak kepada maklumbalas sumber manusia, antaranya mesyuarat pengurusan bersama warga Fakulti serta saluran sosial media seperti emel, facebook dan WhatsApp group. Pekeliling Dekan digunakan sebagai medium utama bagi menyampaikan dan menyebarkan maklumat kepada warga Fakulti secara langsung untuk menyelesaikan sesuatu perkara.

FSR turut menyediakan QR Code Maklumbalas Pelanggan dan Cadangan/ Aduan serta e-Aduan digunakan oleh staf dan pelajar dimana boleh menyampaikan maklum balas selepas menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh FSR dan mengemukakan aduan atau cadangan serta melaporkan kerosakan kemudahan kepada pihak yang berkenaan.

Pada tahun 2021 merupakan FSR telah meraikan ulangtahun penubuhan FSR yang ke 25 tahun iaitu Program Jubli Perak FSR 25 Tahun. Pelbagai program/ aktiviti yang telah dijalankan bagi mengeratkan lagi hubungan ukhawah antara warga Fakulti. Antara aktiviti tersebut adalah International Sport, Health and Emerging Technologies Summit Conference (ISHE-SC) 2021, Majlis Anugerah Kecemerlangan FSR, Tanyalah Pakar, Sports Carnivals, dan Sembang Alumni dan lain-lain lagi menjadi aktiviti pertemuan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0047_S01_SB04_SC03_20221_QR CODE BORANG ADUAN_CADANGAN DAN MAKLUM BALAS PELANGGAN FSR.pdf](#)
2. [F0047_S01_SB04_SC03_20222_FSR Facilities.pdf](#)
3. [F0047_S01_SB04_SC03_20223_Attachment Pekeliling Dekan bil 4_2020.pdf](#)
4. [F0047_S01_SB04_SC03_20224_Jemputan mesyuarat Pengurusan FSR.pdf](#)
5. [F0047_S01_SB04_SC03_20225_Pemakluman melalui FB mengenai program FSR.docx.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

FSR sentiasa memastikan setiap staf diberi peluang untuk meningkatkan kompetensi dan menggalakkan penglibatan dalam bidang JI&K pada tahap yang optimum. Oleh itu, FSR telah mewujudkan inovasi dalam menghubungkan FSR dengan alumni iaitu pangkalan data FSR Alumni. Antaranya FSR UiTM Alumni Societies, FSR Alumni Facebook Page, FSR Alumni Entrepreneur Survey dan FSR Alumni Tracer Survey 1995 – 2021.

Selain itu, beberapa pautan di laman sesawang FSR sports.uitm.edu.my seperti FSR Research Interest Group, dan Kolaborasi dalam JI&K diwujudkan sebagai pangkalan data kepada pihak luar untuk mengakses maklumat mengenai FSR dalam mewujudkan jaringan kerjasama pada masa akan datang. Data-data seperti maklumat dan kepakaran warga FSR juga sedia diakses bagi memudahkan sebarang urusan dan penglibatan warga fakulti terutama dalam bidang JI&K.

Sumbangan warga fakulti dalam kepakaran dan pengalaman mereka diiktiraf oleh fakulti menerusi penghargaan dan pengiktirafan kepada warga kerja. Dengan pengiktirafan yang diberikan oleh pihak fakulti kepada sumber manusia, ianya mendorong kepada warga Fakulti untuk sentiasa bermotivasi dan bersemangat dalam melakukan tugas. Warga Fakulti yang telah berusaha dan menyumbangkan kepakaran dan kemahiran dalam program dan aktiviti telah menaikkan imej FSR. Secara tidak langsung mewujudkan hubungan profesional di antara warga Fakulti dengan pihak luar.

Amalan budaya memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada warga Fakulti yang telah memberi sumbangan kepada Fakulti dan menerima anugerah peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa turut diraikan melalui Kelab Keluarga FSR, ucapan penghargaan di media sosial rasmi dan laman sesawang FSR. FSR turut membudayakan amalan meraikan warga Fakulti yang telah mendapat kenaikan pangkat, bersara, mendapat perkhidmatan cemerlang, khidmat setia, jamuan Hari Raya, dan sebagainya di dalam majlis jamuan dan keraian anjuran Kelab Keluarga FSR. Selain itu, majlis keraian yang dianjurkan bertujuan mengeratkan hubungan silaturrahim sesama staf. Pihak industri dan alumni dijemput agar dapat menjalinkan hubungan yang baik bersama warga FSR.

SENARAI BUKTI :

1. [F0047_S01_SB05_20221_PENGHARGAAN PERKHIDMATAN DAN KEPAKARAN STAF.pdf](#)
2. [F0047_S01_SB05_20222_PENGHARGAAN DARI KELAB KELUARGA FSR.pdf](#)
3. [F0047_S01_SB05_20223_FACEBOOK ALUMNI FSR.pdf](#)
4. [F0047_S01_SB05_20224_ANUGERAH BUKU NEGARA 2021 \(1\).pdf](#)
5. [F0047_S01_SB05_20225_PENGANUGERAHAN DAN PENGHARGAAN.docx.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

FSR melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti FSR yang berfokuskan pada proses utama dalam Jaringan Industri dan usahawan, FSR sangat menekankan keperluan pihak yang terlibat urus dalam sistem dan proses kerja. Sistem kerja yang bersepadu dan komprehensif dibentuk supaya keputusan yang terbaik dapat dicapai. Proses ini ditambahbaik dari masa ke semasa bagi memenuhi kehendak dan kepuasan pelanggan dan pemegang taruh. FSR juga menggalakkan staf sentiasa berusaha menambahbaik proses kerja sedia ada melalui idea yang kreatif dan inovatif dari masa ke semasa. Proses kerja yang dapat menjimatkan tenaga, masa dan kos sangat serta meningkatkan kegirangan hati pelanggan adalah sangat diutamakan.

Penambahbaikan proses kerja utama dibuat melalui bengkel Operational Excellence yang dijalankan oleh Unit Kualiti FSR. Setiap proses kerja yang telah ditambahbaik dibincangkan dan disahkan dalam Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) FSR,

Pemantauan dilakukan sepanjang perjalanan projek. Aktiviti pemantauan dan penambahbaikan dapat dilihat dari proses kerja yang dilaksanakan.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Secara keseluruhan, setiap inisiatif Jaringan Industri dan Keusahawanan yang dilaksanakan adalah menjurus dua jabatan utama iaitu sains sukan dan pengurusan sukan.

Objektif Strategik utama Jaringan Industri ialah untuk:

- Memperluaskan jaringan antara akademia dan industri.
- Meningkatkan aksesibiliti dari segi perkongsian ilmu yang membantu di dalam merealisasikan RM Ke-11; dan
- Meningkatkan projek pemindahan ilmu dan akademia dengan mengadakan kerjasama dengan industri sama ada dari lokal atau luar negara.

Manakala **Objektif Strategik Utama Keusahawanan** ialah untuk:

- Membuka dan meningkatkan penjana pendapatan melalui aktiviti jaringan industri

Dalam mencapai Objektif Strategi Utama yang dijuruskan dalam pelaporan ini, proses utama boleh dilihat melalui Lampiran 10.

Bagi Proses Utama dalam Menandatangani MoU dan MOA proses ini adalah tertakluk atau merujuk kepada Pekeliling Naib Canselor yang dikeluarkan melalui Pejabat Penasihat Undang-Undang UiTM. Dua dokumen Pekeliling yang dirujuk ialah:

- Pekeliling Naib Canselor Bil 8/2010 : Proses Penyediaan MoU/MoA antara UiTM & Organisasi Luar.
- Pekeliling Bil 4/2021 : Pekeliling Pengurusan MoU & MoA atau yang setaraf dengannya di UiTM.

Melalui Pekeliling ini juga dipaparkan bagaimana proses MoU dan MOA dilakukan dan diuruskan bagi memastikan proses ini teratur dan lancar.

Manakala, bagi Proses Utama aktiviti keusahawanan proses ini adalah tertakluk atau merujuk kepada Pekeliling Naib Canselor

Pengurusan fakulti melalui Timbalan Dekan (ICAN) adalah bertanggungjawab memastikan proses ikatan perjanjian persefahaman dan Memorandum Perjanjian dilaksanakan mengikut garis panduan dan proses yang telah ditetapkan oleh Pejabat Undang-Undang UiTM.

SENARAI BUKTI:

1. [F0047_O01_OB02_20221_Proses Utama Tumpuan Operasi.pdf](#)
2. [F0047_O01_OB02_20222_CARTA ALIRAN PENDAFTARAN PERNIAGAAN \(MYENT\)_FSR.pdf](#)
3. [F0047_O01_OB02_20223_CARTA ALIRAN PENDAFTARAN PERNIAGAAN \(MYENT\)_FSR.pdf](#)
4. [F0047_O01_OB02_20224_CARTA ALIRAN PERLAKSANAAN PROGRAM MASMED_FSR.pdf](#)
- 5.

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Aplikasi model PDCA bagi setiap aktiviti dan program jaringan industri dan keusahawanan telah meningkatkan lagi hasil pencapaian dan memberi impak yang besar kepada FSR. Berikut adalah perincian untuk model PDCA yang digunakan di peringkat FSR:

Plan: Pada akhir tahun 2020, Timbalan Dekan ICAN dan pasukannya telah mengenal pasti KPI dan inisiatif yang akan dijalankan selaras dengan KPI universiti. Penetapan KPI dan inisiatif mengambil kira potensi risiko, cabaran dan impak kepada pensyarah, fakulti, universiti dan pemegang taruh. Inisiatif yang memberi impak besar, berisiko rendah dan cabaran yang boleh diatasi akan dipilih untuk dilaksanakan. Maklumat sokongan dikutip bagi mengukuhkan lagi perancangan yang bakal dilaksanakan. Penetapan KPI dan inisiatif ini dibentangkan dalam Bengkel Perancangan Strategik dan disahkan dalam Mesyuarat Pengurusan Eksekutif Fakulti. Penurunan KPI dan inisiatif ini dibentangkan pula kepada semua pensyarah melalui Mesyuarat Amanat Tahunan Dekan untuk pelaksanaan secara menyeluruh.

Do: Pada awal tahun, pasukan ICAN akan menyediakan takwim program yang akan dijalankan dan *Champion* dan Pegawai Liasion yang akan menguruskan program ini akan dilantik. Jawatankuasa kecil diwujudkan dan tugas pra-program disediakan seperti kertas kerja untuk kelulusan MPE. Bagi jalinan kerjasama dan persefahaman diantara agensi luar dijalankan dengan mengadakan mesyuarat awal bagi membincangkan bentuk dan aspek kerjasama yang dilaksanakan. Melalui Amanat Dekan Tahun 2020, setiap pensyarah digalakkan untuk membuat jaringan dengan pihak luar dimana situasi menang-menang diantara kedua belah pihak yang membuat perjanjian persefahaman.

Check: Setelah penetapan program dijalankan pada awal tahun, pemantauan terhadap kemajuan inisiatif dibuat secara berkala iaitu setiap bulan pelaporan kepada Timbalan Dekan ICAN dan laporan kepada pengurusan fakulti. Pengukuran keberkesanan inisiatif dibuat melalui maklumbalas yang diterima melalui mesyuarat post mortem dan laporan program. Maklumbalas tersebut telah dianalisa bagi mendapatkan input dan output dan keputusan yang diperolehi telah diambil tindakan berikut;

- **Maklumbalas negatif** – penambahbaikan untuk program yang sama di masa akan datang, dan
- **Maklumbalas positif** – mengekal dan mempertingkatkan lagi kualiti dalam pelaksanaan program tersebut

Action: Hasil dari laporan program dibentangkan untuk proses penambahbaikan di mesyuarat pengurusan FSR. Sebarang maklumbalas negatif dibincangkan untuk mendapatkan resolusi terbaik dan maklumbalas positif diterapkan untuk aktiviti/program akan datang. Hasil dari mesyuarat ini dimaklumkan kepada para pensyarah untuk memastikan inisiatif akan datang dapat dilaksanakan dengan lebih baik. FSR juga mengeluarkan Surat penghargaan kepada semua agensi yang terlibat.

SENARAI BUKTI :

1. [F0047_O01_OB03_20221_PDCA secara umum terhadap proses utama.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Hasil Jangkaan Terhadap Pelaksanaan Operasi

Penetapan KPI dan jangkaan hasil terhadap pelaksanaan setiap operasi utama bidang tumpuan dibincangkan dalam Bengkel Perancangan Strategik FSR Tahun 2021, Penetapan Objektif dan Inisiatif Strategik disusun bagi melihat keperluan diperingkat operasi.

SENARAI BUKTI:

1. [F0047_O01_OB04_OC01_20221_Jangkaan Hasil.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Fakulti juga terdedah kepada pelbagai isu dan cabaran yang boleh menyebabkan fakulti tidak dapat mencapai objektif strategik yang ditetapkan. Ketidakpastian yang berpunca daripada perkara-perkara melibatkan isu, proses kerja, peristiwa atau kesan risiko perlulah diurus dengan sebaiknya agar setiap perancangan yang telah dibuat dapat mengikut garisan masa yang ditetapkan demi kelangsungan fakulti pada masa akan datang.

Antara kaedah yang dilakukan ialah dengan mewujudkan proses bagi mengenalpasti, menilai, mengukur, memantau, mengawal dan menangani risiko dalam melaksanakan jaringan industri dan Keusahawanan. Pengurusan risiko kedua proses ini secara tidak langsung dapat menggalakkan budaya kerja proaktif bagi mejangka dan menangani isu yang mempunyai impak besar dimana tindakan pencegahan dapat dilaksanakan. Selain itu ianya dapat membantu pengurusan untuk membuat keputusan lebih tepat berdasarkan tindakan kawalan terhadap risiko atau peluang yang dihadapi

SENARAI BUKTI :

1. [F0047_O01_OB04_OC02_20221_Daftar Risiko Tumpuan Kepada Operasi.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

6.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pihak fakulti menerima pelbagai bentuk maklumbalas hasil daripada program yang telah dijalankan. Antara bentuk maklumbalas ialah melalui survey di *google form* dan maklum balas secara langsung dari pelaksana atau pemegang taruh. Selain itu, penelitian dan pemerhatian yang dibuat oleh staf yang bertanggungjawab di rekodkan dan dibincangkan semasa mesyuarat bahagian di peringkat ICAN. Maklumbalas tersebut dianalisa bagi mendapatkan input dan output dan keputusan yang diperolehi akan diambil tindakan berikut;

- i. Maklumbalas negatif – penambahbaikan untuk program yang sama di masa akan datang, dan
- ii. Maklumbalas positif – mengekal dan mempertingkatkan lagi kualiti dalam pelaksanaan program tersebut

Analisa kepada tumpuan operasi ini menumpukan beberapa perkara iaitu proses penambahbaikan, kelemahan dan kekuatan sumber sedia ada dan kaedah untuk meningkatkan komitmen staf di FSR terutamanya.

Ekoran Pandemik COVID-19, pihak fakulti telah merangka beberapa perubahan dan menghasilkan kaedah dan proses yang baharu sesuai dengan kekangan yang dihadapi akibat Arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Tidak dinafikan PKP ini memberi kesan yang sangat besar terhadap perancangan strategik dan pelan inisiatif yang akan dan telah dilaksanakan oleh fakulti dalam mencapai KPI yang ditetapkan oleh Universiti. Pihak ICAN telah meneliti maklumat maklumbalas bagi memastikan sama ada ia maklumbalas atau cadangan atau penambahbaikan. Pihak fakulti juga menyemak semula daftar risiko yang berkaitan jaringan industri dan keusahawanan.

Hasil analisa kepada tumpuan operasi yang telah dilaksanakan, beberapa kaedah dan proses telah ditambahbaik untuk aktiviti jaringan industri dan keusahawanan.

SENARAI BUKTI :

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Jaringan Industri

Antara yang dilakukan ialah mengubah pelaksanaan program menandatangani MoU dan MoA secara dalam talian. Perbincangan awal juga dijalankan secara dalam talian secara berperingkat dan Majlis juga dilaksanakan secara virtual dan menggantikan kebiasaan yang dilakukan secara fizikal. Kaedah ini tidak menghalang pihak fakulti untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Keusahawanan

Fakulti mengambil maklum program yang telah dijalankan mempunyai maklumbalas positif mahupun negatif. Oleh yang demikian, program yang dijalankan telah pun mendapatkan maklumbalas daripada tinjauan yang dilaksanakan. Program-program yang dijalankan secara maya tidak dinafikan tidak mencapai kesan yang maksimum kepada peserta program oleh kerana masih lagi memerlukan pelaksanaan secara fizikal dan “hands-on” secara berdepan. Namun program masih berjaya mencapai objektif apabila peserta dapat mengaplikasi pengetahuan dan maklumat yang disampaikan daripada program-program yang telah dijalankan. Program yang dijalankan melalui kaedah Google Meet, Webex atau Zoom perlulah diuruskan dengan baik dan bersedia dengan alternatif yang lain sekiranya berlaku masalah teknikal yang akan mengganggu perjalanan program dan menyekat penyampaian maklumat dengan baik. Contohnya, merekod perjalanan program untuk ulang siar supaya peserta dapat memperoleh maklumat yang tidak diterima dengan baik semasa siaran langsung sekiranya berlaku masalah teknikal.

SENARAI BUKTI :

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

HASIL UTAMA 1 – PERANCANGAN STRATEGIK

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Di dalam persekitaran yang kompetitif, sangat sukar bagi FSR untuk bertahan dan berkembang dalam jangka panjang jika FSR tidak mempunyai perancangan strategik. Perancangan strategik adalah satu aktiviti, yang menentukan objektif dan mempertimbangkan persekitaran dalaman dan luaran untuk merancang, melaksanakan, menganalisis dan menyesuaikan strategi, untuk mendapatkan kelebihan daya saing.

Perancangan strategik FSR (2020 - 2025), pihak pengurusan tertinggi FSR komited untuk membangunkan modal insan yang profesional, dinamik, berdaya saing, berketerampilan, beretika serta mampu mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang Sains Sukan, Pengurusan Sukan dan Rekreasi melalui objektif dan inisiatif perancangan strategik dalam **Jaringan Industri dan Keusahawanan**. Kesan daripada perancangan itu, FSR telah berjaya menjalinkan pelbagai usahasama bersama pihak industri di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa, di mana peningkatan perjanjian persefahaman antara FSR dan pihak industri untuk jangkamasa yang panjang. Ianya selaras dengan visi UiTM untuk menjadi sebuah universiti yang dikenali di peringkat global (World Renowned University) dalam bidang sains, teknologi, kemanusiaan dan keusahawanan. Usaha memupuk nilai keusahawanan juga berjaya memberi impak positif di kalangan pelajar dan juga alumni FSR. Selaras dengan usaha yang dilakukan di peringkat fakulti, tren peningkatan yang positif telah diperolehi dalam skor QS World Ranking (by subject) dan juga pencapaian skor MyRA fakulti.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_F0047_HB02_20221_H1_F0047_HB02_20221_PS_Tahap_FSR.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_F0047_HB03_20222_PS_Tren_FSR.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_F0047_HB04_20223_PS_Perbandingan_FSR.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_F0047_HB05_20224_PS_Kepentingan_FSR.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Penglibatan staf akademik dan pentadbiran FSR dalam Jaringan Industri dan Keusahawanan (JI & K) adalah penting bagi memastikan visibiliti FSR di peringkat nasional dan antarabangsa. Pengurusan tinggi FSR sering menitikberatkan dan menggalakkan penglibatan staf sebagai pakar rujuk bagi industri luar khususnya untuk meningkatkan pembangunan diri dan mencapai PI fakulti. Staf yang menjadi pakar rujuk di dalam sesuatu bidang telah membuka peluang FSR untuk berkolaborasi dan menjalinkan kerjasama dengan industri luar. Ini telah dibuktikan dengan pelbagai MOU dan MOA telah dipateri sepanjang tahun 2019 hingga 2021. Secara amnya, kerjasama FSR bersama industri akan menaikkan nama UiTM, memberi manfaat kepada pelajar, staf dan komuniti. Aktiviti kolaborasi ini juga dapat memberi nilai tambah kepada pelajar dan semua staf FSR. Ini termasuk program keusahawanan yang dijalankan di FSR turut memberi nilai tambah yang lain di mana pelajar bukan hanya cemerlang dalam akademik malah bijak mengendalikan perniagaan. Selain itu, kerjasama strategik di antara FSR dan industri mampu menyumbang kepada program atau aktiviti inovasi, di mana secara tidak langsung dapat memastikan kestabilan pembangunan produk dan perkhidmatan yang akhirnya memanfaatkan komuniti setempat dan juga negara secara keseluruhannya.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_F0047_HB02_20221_H2_F0047_HB02_20221_TKP_Tahap_FSR.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_F0047_HB03_20222_H2_F0047_HB03_20222_TKP_Tren_FSR.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_F0047_HB04_20223_H2_F0047_HB04_20223_PS_Perbandingan_FSR.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_F0047_HB05_20224_H2_F0047_HB05_20224_TKP_Keputusan_FSR.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

HASIL UTAMA 2 – TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelanggan adalah merupakan seseorang individu atau kumpulan yang berhasrat untuk memiliki sesuatu barangan atau menggunakan sesuatu perkhidmatan. Dalam konteks sektor pendidikan, pelanggan yang dimaksudkan adalah terdiri daripada pelajar, ibubapa, kakitangan, alumni, bakal majikan dan organisasi luar yang menggunakan kemudahan dan perkhidmatan di Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi (FSR). Justeru itu, pelbagai pelan tindakan telah dilakukan oleh pihak pengurusan FSR bagi memastikan keperluan semua kategori pelanggan dapat dipenuhi secara optima.

Berasaskan Rancangan Malaysia (RMK) Ke-11, pembangunan modal insan melalui **Jaringan Industri dan Keusahawanan** telah dikenalpasti bagi menyokong peralihan sektor ekonomi kepada aktiviti yang berbentuk pengetahuan dan berpaksikan inovasi bagi melahirkan graduan holistik berciri keusahawanan dan seimbang dari pelbagai aspek. Dalam usaha merealisasikan aspirasi ini, FSR telah bertindak proaktif didalam mengenalpasti kumpulan sasaran yang terdiri daripada pelbagai sektor seperti Kementerian, Agensi Kerajaan, Persatuan/Kelab Sukan, Syarikat Swasta, Institusi Pendidikan, Pertubuhan Kerajaan dan pelajar. Data-data pelanggan dikumpul dan disimpan melalui kelolaan Timbalan Dekan Penyelidikan dan Jaringan Industri (TDPJI) bagi program berkaitan jaringan industri, manakala program keusahawanan dikelolakan oleh Koordinator Malaysian Academy of SME & Entrepreneurship Development (MASMED).

Justeru, FSR telah mentransformasikan sistem penyampaian agar lebih bersifat fleksibel dan *entrepreneurial*, serta menepati kehendak tempatan namun bersifat global untuk mewujudkan sistem pendidikan tinggi yang mampu melahirkan modal insan yang holistik, seimbang dan mempunyai minda keusahawanan yang berupaya bertindak sebagai penjana pekerjaan (*job creator*) seperti yang dihasratkan di bawah **Lonjakan 1, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM(PT)**.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_F0047_HB02_20221_Pencapaian2021.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_F0047_HB03_20222_Tren2021.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_F0047_HB04_20223_Perbandingan2021.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_F0047_HB05_20224_Kepentingan2021.pdf](#)